

SOALAN NO. 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN KHOO SOO SEONG
[TEBRAU]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2014 (ISNIN)

SOALAN:

Tuan Khoo Soo Seang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sama ada Kerajaan merancang untuk mengeluarkan Kad Warga Emas yang melayakkan para warga emas menikmati layanan istimewa atau potongan harga untuk menaiki kenderaan awam dan perkhidmatan kesihatan, insurans, membeli-belah di kedai-kedai terlibat dan sebagainya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) amat komited dan akan terus memberi perhatian kepada aspek kebajikan dan keperluan golongan warga emas bagi mengenang jasa serta meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan golongan tersebut ke arah penuaan sihat, aktif dan produktif.

Kerajaan menerusi KPWKM belum bercadang untuk mengeluarkan Kad Khas untuk warga emas memandangkan kad pengenalan merupakan identiti pengenalan diri yang boleh mengenal pasti umur seseorang warga emas bagi mendapatkan kelebihan dalam memperolehi perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan atau swasta.

Tuan Yang DiPertua,

Namun begitu, dalam usaha untuk memastikan warga emas mendapat perhatian dan perkhidmatan yang kondusif, KPWKM turut menjalinkan kerjasama erat dengan pihak swasta yang memiliki pengangkutan awam bagi memastikan warga emas dapat menikmati bayaran istimewa apabila menggunakan pengangkutan awam tersebut.

Kerajaan melalui Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) telah bersetuju memberi potongan harga 50 peratus bagi warga emas yang menggunakan perkhidmatan bas berhenti-henti dan potongan 25 peratus bagi bas ekspres mulai Ogos 2009.

Tuan Yang DiPertua,

Selain perkhidmatan bas, Keretapi Tanah Melayu (KTM) juga menyediakan potongan harga 50 peratus kepada warga emas yang ingin menggunakan perkhidmatan yang disediakan. Bagi perkhidmatan antara bandar, warga emas hanya perlu menunjukkan

kad pengenalan, manakala bagi menikmati potongan harga 50 peratus untuk pengangkutan komuter, warga emas hendaklah memiliki Kad Warga Emas yang dikeluarkan oleh KTM. Warga emas juga layak menikmati diskaun tambang sehingga 50 peratus apabila menggunakan perkhidmatan MAS, LRT dan Monorel serta diskaun sebanyak 30 peratus apabila menaiki ERL.

Selain itu, dalam Bajet 2013, YAB Perdana Menteri Dato' Sri Najib Tun Razak selaku Menteri Kewangan telah mengumumkan kemudahan-kemudahan berikut kepada warga emas:

- (i) Penyelarasan semula pensen pesara Kerajaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 25 tahun dengan menaikkan pensen minimum daripada RM720 kepada RM820 sebulan. Pelarasan pensen ini akan mengambil kira bayaran pensen bermula 1 Januari 2012. Langkah ini melibatkan seramai 56,000 orang pesara kerajaan, termasuk penerima pensen terbitan, dengan peruntukan tambahan sebanyak RM60 juta setahun;

- (ii) Bersesuaian dengan peralihan kepada dasar pelaksanaan subsidi bersasar, Kerajaan meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0 pada tahun 2013. Dalam hal ini, sebahagian besar daripada pesara kerajaan dan swasta serta warga emas yang berpendapatan bulanan RM3,000 ke bawah akan sekali lagi menikmati RM500 secara *one-off* daripada kerajaan; dan

- (iii) Pengurangan caj bayaran pemprosesan pasport sebanyak 50 peratus iaitu daripada RM300 kepada RM150 untuk tempoh sah laku 5 tahun. Selain itu, caj bayaran pengurusan pasport untuk tempoh 2 tahun pula dikurangkan kepada RM80. Kadar bayaran baru ini telah berkuat kuasa pada bulan Januari 2013.

Tuan Yang DiPertua,

Dari aspek kesihatan pula, Kerajaan telah mengecualikan caj pendaftaran dan rawatan pakar dan pengurangan caj pesakit kelas

tiga sebanyak 50 peratus dengan caj maksimum RM250 bagi setiap kemasukan ke wad berkuat kuasa pada 1 Mei 2012.

Kesimpulannya, warga emas boleh menggunakan atau menunjukkan kad pengenalan bagi menikmati layanan istimewa dan kemudahan-kemudahan di atas tanpa menggunakan kad khas untuk warga emas.